

**SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.33 (30)  
Tarikh : 25 Mac 2015

**Ketua Pengarang  
Sinar Harian**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK “ANAK TIDAK DAPAT BERSEKOLAH” BERTARIKH 19 MAC 2015 KHAMIS – M.S: 41**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Puan Mek Yah Binti Hamat berkenaan anak-anak beliau yang tiada sijil kelahiran.

3. Untuk makluman, Puan Mek Yah telah hadir ke JPN Daerah Pasir Mas pada 19.03.2015 untuk mengemukakan permohonan daftar lewat kelahiran bagi anak-anak beliau. Pegawai JPN telah memberikan penerangan lengkap berserta satu set borang permohonan daftar lewat kelahiran kepada beliau dan ia perlu dikemukakan dengan lengkap di pejabat JPN berhampiran tempat tinggal beliau untuk diproses.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah.

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:  
1. YBhg. Dato' KPPN  
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)  
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)  
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)